



PERPUSTAKAAN MUZIUM NEGERI KEDAH (MNK)

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR	SINAR HARIAN
TARIKH	10/1/2018
PERKARA	MUZIUM

APK pameran 54 lukisan terbaik di Muzium Negeri Kedah

ALOR SETAR - Angkatan Pelukis Kedah (APK) menutup tirai gemilang aktiviti seni lukis 2017 melalui Pameran Pelukis Kedah sempena ulang tahun ke-40 APK tahun ini di Muzium Negeri Kedah, di sini.

Setiausaha APK, Ahmad Sid Hijaz berkata, sebanyak 54 lukisan terbaik pelukis APK dipamerkan di ruang pameran aras bawah muzium itu.

Menurutnya, pameran sama sudah diadakan di Balai Seni Negara Kuala Lumpur pada September lepas.

"Bagaimanapun semua lukisan pameran dibawa pulang dan kini dipamerkan di Muzium Negeri Kedah.

"Usaha berkenaan bagi memberi peluang kepada seluruh rakyat Kedah dan peminat seni lukis di utara tanah air untuk melihat lukisan di-

hasilkan itu," katanya.

Ahmad Sid berkata, sehingga kini, Kedah boleh berbangga kerana memiliki kira-kira 250 pelukis APK yang bergiat aktif melukis di studio, di program kemasyarakatan, di pusat membeli-belah dan di mana-mana sahaja.

"Minat dan bakat boleh dipupuk, tidak mustahil untuk mengecap kejayaan menerusi bidang lukisan kerana terdapat pelbagai genre di dalam bidang ini untuk disesuaikan dengan potensi setiap individu yang meminati lukisan," katanya.

Untuk itu katanya, golongan remaja dan belia perlu mengambil peluang bersosial secara positif melalui Pameran Pelukis Kedah sempena Ulang Tahun ke-40 APK itu.

Terdahulu, majlis pe-



Ammar (tengah) memotong reben sempena majlis perasmian pameran itu.

rasmian pameran itu disempurnakan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) (Pembangunan), Datuk Ammar Shaikh Mahmood.

Beliau berkata, pameran ini penting untuk me-

nyambung legasi kehebatan pelukis kelahiran Kedah yang terkenal dengan nama-nama pelukis agung seperti AB Ibrahim, Ibrahim Hussain, Sharifah Fatimah, Amron Omar, Anuar Rashid, Judin Ahmad dan ramai lagi.